



02 JAN, 2025

Sokong Tidak beri kesan kepada 7.5 juta pengguna

Sinar Harian, Malaysia



Tidak beri kesan kepada 7.5 juta pengguna

DALAM isu cadangan untuk menaikkan tarif elektrik, saya yakin bahawa kebanyakan rakyat tidak 'selesa' mendengarnya kerana khuatir akan menghimpit ke-
langsungan hidup.
Sudah semestinya, rakyat marhaen tidak mahu sebarang kenaikan tarif dikenakan sehingga boleh menjejaskan kehidupan.

Pun begitu, saya berpegang kepada janji kerajaan dalam memastikan ia hanya dikenakan kepada golongan atas-an iaitu maha kaya atau industri yang mencatatkan keuntungan besar.
Sehubungan itu, saya percaya ke-



rajaan tidak akan membenarkan apa-apa perubahan tarif yang boleh menghimpit kehidupan rakyat khususnya golongan B40 dan M40.
Saya berharap agar kerajaan berbincang bersama pihak terlibat sebelum memutuskan sebarang kenaikan yang berlaku pada Julai

nanti.

Saya hanya bersetuju jika kenaikan tarif elektrik tidak memberi kesan kepada 7.5 juta orang seperti yang diperkatakan TNB.

**Pekerja kilang, Mohamad Amir Affendi, 33*